

Dewan Rakyat tolak usul bincang NFC kerana sudah jadi kes mahkamah
The Malaysian Insider
13 Mac , 2012
Oleh Shannon Teoh

KUALA LUMPUR, 13 Mac — Tan Sri Pandikar Amin Mulia menolak usul membincangkan kontroversi RM250 juta Pusat Fidlot Nasional (NFC) hari ini walaupun pada mulanya membenarkan perkara itu dibahaskan, kerana ianya sudah menjadi kes mahkamah.

Pengerusi NFC Corp Datuk Seri Mohamad Salleh Ismail (gambar) telah didakwa di mahkamah semalam dengan dua jenayah pecah amanah dan dua kesalahan pelanggaran Akta Syarikat. Saintis makanan itu merupakan suami kepada Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil.

“Pada mulanya saya membenarkan perkara itu dibahaskan tapi sekarang ianya sudah di bawa ke mahkamah. Jadi saya tidak membenarkan ia di bahaskan.

“Ia tidak boleh dibincangkan kerana ia telah pun di bawa kepada badan kehakiman,” kata Speaker Dewan Rakyat itu.

Ketua Wanita PKR, Zuraida Kamaruddin telah membentangkan usul tersebut untuk perbahasan kerana ia melibatkan kepentingan umum kerana berlakunya penyalahgunaan wang RM250 juta dana kerajaan.

“Usul saya adalah berkenaan peranan Menteri Kewangan, dan juga Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani memberikan projek tersebut dan bukan hanya kepada pengerusi syarikat itu.

“Sekiranya ia dilaksanakan dengan betul, perkara sedemikian tidak akan berlaku,” kata Ahli Parlimen Ampang ini yang turut telah mendesak Shahrizat untuk meninggalkan politik berikutan skandal berkenaan.

The Malaysian Insider
Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider
Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dewan-rakyat-tolak-usul-bincang-nfc-kerana-sudah-jadi-kes-mahkamah/>